

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

**<http://www.parlimen.gov.my>**

**HARI SELASA, 21 MAC 2023, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 11**

---

**WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI**

1. PR-1521-MQT2124  
**Tuan Cha Kee Chin [ Rasah ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada YB Bagan semasa menjawat Menteri Kewangan daripada Mei 2018 sehingga Februari 2020, telah membatalkan pengecualian cukai Yayasan Albukhary, dan sebabnya pembatalan dibuat oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (jika ada). Bilakah pembatalan pengecualian cukai berkuatkuasa dan dipulihkan semula. Apakah jumlah kewangan yang diterima oleh Yayasan Albukhary dan manfaat kepada Kerajaan Persekutuan daripada pengecualian cukai tersebut.
  
2. PR-1521-MQT2123  
**Datuk Muslimin bin Yahaya [ Sungai Besar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan justifikasi cadangan kepada pencarum agar membuat pinjaman bank dengan cagaran wang KWSP dan berapa kadar faedah yang akan dikenakan kepada pencarum yang layak dipertimbangkan untuk skim ini.
  
3. PR-1521-MQT2117  
**Tuan Riduan bin Rubin [ Tenom ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah peranan Kementerian dalam menyelaras pelaksanaan program pembangunan keusahawanan dan PMKS oleh Kementerian dan agensi lain terutamanya bagi mengelak pertindihan bantuan dan program.

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

**<http://www.parlimen.gov.my>**

**HARI SELASA, 21 MAC 2023, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 23**

---

**WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1521-L18636  
**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan kenapa bot dan lesen bot nelayan jenis B tidak boleh dipindah milik atau dijual.
2. PR-1521-L18091  
**Dato' Indera Dr. Suhaili bin Abdul Rahman [ Labuan ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jangkaan beberapa institusi bank menaikkan lagi Kadar Dasar Semalam (OPR) tanpa mengambil impak atas kos pinjaman keseluruhan kepada ekonomi Malaysia dan setakat mana jangkaan pengekalan kadar tanpa mengambil kira impak menghapuskan akomodasi kewangan berlebihan secara beransur dan bukan mengurangi inflasi.
3. PR-1521-L18540  
**Dato Henry Sum Agong [ Lawas ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah usaha dan langkah pihak Kementerian untuk memastikan keadaan Jalan Persekutuan di Parlimen Lawas sentiasa baik memandangkan terdapat banyak kerosakan dan tamat tarikh luput jalan tersebut.

## 4. PR-1521-L18953

**Tuan Muhammad Ismi bin Mat Taib [ Parit ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada Kementerian akan mengusahakan elauan penjagaan warga emas bagi penjaga warga emas dan ahli keluarga seperti yang dinyatakan di dalam manifesto Pakatan Harapan sebelum ini.

## 5. PR-1521-L18095

**Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [ Tanjung Piai ]** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah Kementerian melalui kerja sama pelbagai Kementerian juga bersedia untuk menjalankan ujian penghasilan bio bahan api dari minyak kelapa sawit seperti yang telah mula dilakukan oleh Indonesia.

## 6. PR-1521-L19248

**Tuan Roslan bin Hashim [ Kulim Bandar Baharu ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bolehkah Kementerian mempermudah urusan perolehan dan pembelian alat ICT oleh pihak sekolah seperti *printer*, *laptop* dan *PC*.

## 7. PR-1521-L19044

**Tuan Chong Chieng Jen [ Stampin ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah dasar dan langkah yang akan diambil oleh Kerajaan dan Bank Negara Malaysia atas masalah bank *scam* yang kerap berlaku di mana wang dalam akaun pendeposit bank dipindah tanpa pengetahuan mereka. Apakah statistik untuk menunjukkan keberkesanan dasar atau langkah tersebut.

## 8. PR-1521-L19056

**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [ Dungun ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah penyelesaian berkenaan isu kekurangan ayam daging dan telur ayam di pasaran Malaysia.

## 9. PR-1521-L18528

**Datuk Suhaimi bin Nasir [ Libaran ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status projek jalan Libaran Bypass dari Batu 16 Gum-Gum, Sandakan ke Check Point Batu 32, Sandakan yang tergendala sejak beberapa tahun lepas.

## 10. PR-1521-L18745

**Tuan Hassan bin Saad [ Baling ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha Kementerian mengatasi peningkatan harga makanan di kantin sekolah akibat harga bahan mentah yang tinggi di pasaran.

11. PR-1521-L17949

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [ Pasir Gudang ]** minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan lebih lanjut inisiatif yang diambil oleh Kementerian yang bernama “Ini Malaysia Kita” yang berdasarkan prinsip-prinsip Rukun Negara.

12. PR-1521-L19094

**Tuan Zahari bin Kechik [ Jeli ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status terkini tahap kesiapan dan kos keseluruhan Projek Lebuh Raya Kota Bharu – Kuala Krai – Gua Musang dan bilakah ianya akan dapat digunakan sepenuhnya .

13. PR-1521-L18494

**Dato' Haji Adnan bin Haji Abu Hassan [ Kuala Pilah ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah status terkini persediaan pihak Kementerian bagi menghadapi Malaysia - Destinasi Lestari Kaya Budaya Tahun 2023.

14. PR-1521-L19221

**Tuan Rushdan bin Rusmi [ Padang Besar ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh mana Kementerian melihat implikasi pelaksanaan Akta Pemberian Mengikut Bilangan Orang 2002 Pindaan 2006 mampu membantu Kerajaan negeri terutama negeri Perlis yang merupakan negeri terkecil dan adakah perancangan untuk menilai semula kadar tersebut.

15. PR-1521-L18374

**Tuan Tan Hong Pin [ Bakri ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah yang akan diambil oleh pihak KPM bagi mengatasi isu kekurangan guru Bahasa Cina dan Tamil di Sekolah Bantuan Kerajaan (SBK) yang sering dibangkitkan oleh PIBG dan NGO.

16. PR-1521-L18960

**Tuan Jamaludin bin Yahya [ Pasir Salak ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah terdapat perancangan utk menjadikan Bandar Seberang Perak sebagai hab pelancongan apabila siapnya jambatan Bagan Datuk tidak lama lagi.

17. PR-1521-L19384

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [ Ledang ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan tindakan alternatif yang akan diambil Kementerian dalam menyelesaikan isu kekurangan peruntukan untuk menggerakkan kerja-kerja tindakan di kawasan risiko berlaku runtuhan.

18. PR-1521-L19129  
**Dato' Rosol bin Wahid [ Hulu Terengganu ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perkembangan terkini kajian yang dijalankan oleh Kerajaan terhadap pelaksanaan subsidi bersasar.
19. PR-1521-L18845  
**Tuan Yuneswaran A/L Ramaraj [ Segamat ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan agenda kesinambungan bagi Dasar Agromakanan Negara 2021 - 2030 yang berupaya memperkasa keberhasilan agromakanan di Segamat yang kini merupakan hab pertanian yang mempunyai potensi jangka panjang untuk menyumbang kepada keterjaminan makanan nasional.
20. PR-1521-L18662  
**Puan Hajah Salamiah binti Mohd Nor [ Temerloh ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah insentif yang diberikan untuk membantu pihak majikan sektor swasta membuka taska di tempat kerja.
21. PR-1521-L18669  
**Puan Yeo Bee Yin [ Puchong ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kementerian ada rancangan untuk mengubah kembali tarikh pembukaan sekolah dari Mac ke Januari.
22. PR-1521-L18980  
**Datuk Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [ Pengkalan Chepa ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh mana pemantauan harga dan kualiti nutrisi makanan yang dijual di kantin sekolah dilaksanakan.
23. PR-1521-L19445  
**Tuan Onn bin Abu Bakar [ Batu Pahat ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh mana KPM memanfaatkan kedua-dua buah sekolah yang dibina dalam Kampus IPG ini untuk melestarikan bidang penyelidikan pendidikan di negara ini.
24. PR-1521-L19358  
**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [ Masjid Tanah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tentang keberkesanan agihan Bantuan Awal Persekolahan (BAP) baru-baru ini.

25. PR-1521-L18449

**Tuan Lo Su Fui [ Tawau ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan :

- (a) rancangan Kementerian untuk menyelenggara masalah lampu jalan yang kebanyakannya tidak berfungsi di Jalan Persekutuan di seluruh daerah Tawau; dan
- (b) kesediaan Kementerian bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas seperti pembinaan jejambat di Jalan Kuhara dan Jalan Apas.

26. PR-1521-L18873

**Tuan Nurul Amin bin Hamid [ Padang Terap ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status terkini projek tenaga hibrid solar bernilai RM 1.25 bilion untuk 369 sekolah luar bandar di Sarawak.

27. PR-1521-L18467

**Datuk Seri M. Saravanan [ Tapah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah hala tuju (MPPK) bagi meningkatkan pendidikan sekolah Tamil di semua peringkat sekolah, sedangkan ketika ini tiada pendidik Tamil atau wakil dilantik ke dalam jawatankuasa MPPK sedangkan Kementerian Pendidikan (KPM) mengaktifkan semula Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan (MPPK) bagi menyumbang idea dan pandangan dalam merangka serta menambah baik hala tuju pendidikan negara.

28. PR-1521-L19092

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [ Setiu ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :

- (a) statistik mangsa yang melaporkan kehilangan wang daripada institusi perbankan di seluruh negara sepanjang tahun 2022; dan
- (b) usaha Kementerian menangani isu kelemahan sekuriti bank yang semakin mendatangkan kegusaran rakyat.

29. PR-1521-L18270

**Tuan Manndzri bin Nasib [ Tenggara ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan Kerajaan mempunyai perancangan bagi menyelesaikan semula kalender persekolahan pelajar sekolah rendah dan sekolah sebagaimana sebelum pandemik COVID-19.

30. PR-1521-L18861

**Dato' Ahmad bin Saad @ Yahaya [ Pokok Sena ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pendirian Kementerian untuk menyemak semula peruntukan dalam akta-akta berkaitan industri perjudian bagi mengurangkan ketagihan berjudi dalam kalangan masyarakat di negara ini.

31. PR-1521-L18492

**Dato' Verdon bin Bahanda [ Kudat ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perancangan untuk mempertimbangkan mewujudkan kawasan bebas cukai baharu di Kudat memandangkan Kudat merupakan sebuah lokasi pelabuhan strategik di wilayah Borneo untuk merancakkan aliran ekonomi di daerah Kudat dan negara.

32. PR-1521-L18982

**Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad [ Bagan Serai ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk melaksanakan semula GST dan berapakah kadar peratusan GST tersebut jika ianya dilaksanakan.

33. PR-1521-L18444

**Tuan Wong Kah Woh [ Taiping ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan pelan-pelan Kerajaan dalam membangunkan sektor pelancongan di Taiping yang merupakan bandar warisan sejarah. Nyatakan jumlah peruntukan yang telah dan akan disalurkan untuk tujuan tersebut.

34. PR-1521-L19008

**Dr. Siti Mastura binti Muhammad [ Kepala Batas ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :

- (a) jumlah penerima bantuan skim MySalam sehingga kini; dan
- (b) adakah perancangan dari pihak Kementerian untuk menambah baik manfaat skim ini supaya perkhidmatan boleh diguna pakai di klinik kesihatan swasta .

35. PR-1521-L18720

**Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [ Balik Pulau ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pelan pemulihan dan kerjasama antara Kementerian berkenaan pelajar tercicir kira-kira hampir 100,000 menurut pertubuhan untuk Malaysia mengambil kira cadangan ASEAN dan Cambridge Partnership for Education yang mana keutamaan menangani keciciran perlu diberikan buat pelajar rendah dan aliran vokasional.

36. PR-1521-L18227

**Tuan Pang Hok Liong [ Labis ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada bekas Ahli Parlimen Pekan dan keluarganya telah membuat pembayaran tunggakan cukai pendapatan berbilion ringgit kepada Kerajaan dan sekiranya belum, apakah tindakan segara akan diambil untuk mengutip tunggakan itu.

37. PR-1521-L18022

**Tuan Chiew Choon Man [ Miri ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pendirian Kerajaan untuk menyemak semula garis panduan dan prosedur kemasukan kanak-kanak tanpa kewarganegaraan ke sekolah rendah dan menengah bagi memudahkan proses serta mengecualikan bayaran kepada kanak-kanak tanpa kewarganegaraan untuk belajar di sekolah rendah dan menengah.

38. PR-1521-L18194

**Tuan Khoo Poay Tiong [ Kota Melaka ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan situasi semasa sektor pelancongan Malaysia dan apakah strategi-strategi utama dan hala tuju Kementerian untuk terus memulihkan sektor pelancongan pada tahun 2023.

39. PR-1521-L18906

**Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man [ Kubang Kerian ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :

- (a) perincian Projek Tebatan Banjir yang berjaya menjimatkan RM2 bilion seperti yang diumumkan Perdana Menteri tempoh hari; dan
- (b) syarikat yang telah dilantik dan projek yang dilaksanakan dalam penjimatan tersebut.

40. PR-1521-L18277

**Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad [ Parit Sulong ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan keberkesanan program *Short Term Employment Programme (MySTEP)* yang diperkenalkan pada 2021 yang menggantikan perkhidmatan pekerja sambilan harian (PSH) dan apakah Kerajaan bercadang untuk meningkatkan kadar upah dan memperkenalkan kemudahan elauan bagi perkhidmatan ini.

## 41. PR-1521-L19399

**Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [ Bukit Gantang ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan mengapa tindakan penyelenggaraan Laluan Persekutuan yang sudah uzur dan rosak di Jalan Persekutuan FT0001 Jalan Ipoh – Butterworth, FT060 dan FT061 Jalan Batu Hampar – Changkat Jering dan FT0074 Jalan Kuala Sepetang – Taiping tidak dijalankan sepenuhnya yang boleh memudaratkan pengguna jalan raya. Bagaimana pula dengan laluan-laluan seperti FT0001 Jalan Ipoh – Butterworth,FT060/FT061 Jalan Batu Hampar – Changkat Jering dan FT0074 Jalan Kuala Sepetang - Taiping, bilakah kerja penyelenggaraan dapat dibuat.

## 42. PR-1521-L18340

**Tuan Jimmy Puah Wee Tse [ Tebrau ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :

- (a) kini terdapat terlampau banyak kes penipuan (*scam*) *online*, nyatakan jumlah kes dari 2020 sehingga 2023 ; dan
- (b) apakah tindakan Kerajaan terutamanya arahan kepada pihak bank-bank untuk mereka mengetatkan dan naik taraf sekuriti perbankan mereka untuk membendung masalah *online scam* ini .

## 43. PR-1521-L18577

**Dr. Hajah Halimah Ali [ Kapar ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk membendung masalah gejala sosial seperti gengsterisme, dadah dan buli di sekolah.

## 44. PR-1521-L18122

**Tuan Sim Tze Tzin [ Bayan Baru ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan bagaimana MAFS memajukan padi bukit di kawasan Sabah dan Sarawak dari segi R&D benih, sistem saliran, *agriculture extension*, jentera dan bantuan subsidi. Bagaimanakah Kementerian membantu memasarkan hasil beras Borneo ke Semenanjung dan pasaran antarabangsa.

## 45. PR-1521-L18521

**Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun [ Port Dickson ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah ada usaha untuk membantu kelompok kontraktor kecil G1, G2 dan G3 yang agak ketinggalan dalam mendapat kontrak dari syarikat-syarikat konsesi lebuh raya dan sebagainya.

46. PR-1521-L18399

**Tuan Edwin anak Banta [ Selangau ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status perancangan pembinaan Jalan Raya Sangan/Merit yang merentasi kawasan Parlimen Selangau sehingga ke kawasan Parlimen Hulu Rejang di Sarawak yang telah diwarkan-warkan semenjak lebih kurang 5 tahun yang lepas.

47. PR-1521-L18746

**Tuan Chong Zhemin [ Kampar ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk melaksanakan kembali cukai GST dan jika ya apakah kadar GST yang ingin dilaksanakan.

48. PR-1521-L18498

**Dato' Haji Shamshulkahar bin Mohd Deli [ Jempol ]** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan harga komoditi getah memandangkan harga semasa komoditi tersebut sangat rendah dan menjaskan pendapatan terutamanya kepada pekebun-pekebun kecil luar bandar.

49. PR-1521-L19021

**Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [ Kuala Terengganu ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah wujud polisi di pihak Kementerian untuk mengawal kadar ekuiti saham pelaburan asing bagi mengukuhkan pegangan saham tempatan.

50. PR-1521-L18215

**Dato' Sri Sh Mohamed Puzi bin Sh Ali [ Pekan ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah pendirian Kerajaan berkenaan rayuan rakyat yang meminta dibenarkan sekali lagi pengeluaran khas Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) secara bersasar. Apakah alternatif, bantuan atau suntikan dana yang difikirkan sesuai untuk dilaksanakan oleh Kerajaan untuk membantu rakyat yang masih terjejas disebabkan kekurangan pendapatan akibat impak COVID-19 dan inflasi ekonomi.

51. PR-1521-L18387

**Tuan Kalam bin Salan [ Sabak Bernam ]** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan mengapa harga kelapa sawit turun merudum sedangkan harga barang makanan dan keperluan asas seperti minyak masak semakin naik mencanak. Bagaimana libat urus Kerajaan dan pihak industri untuk menaikkan harga kelapa sawit dan menurunkan harga barang keperluan untuk kesejahteraan rakyat khususnya pekebun kecil kelapa sawit.

52. PR-1521-L18706

**Tuan Haji Bakri bin Jamaluddin [ Tangga Batu ]** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan sejauh mana keberkesanan program *Malaysian Palm Oil Training Centre (PLASMA)* dalam menyediakan tenaga kerja untuk industri perladangan sawit negara.

53. PR-1521-L17959

**Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey Gapari Kitingan [ Keningau ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah hasil yang diperoleh atau dikutip oleh Kerajaan daripada Sabah sejak 1974 hingga 2022 termasuk hasil minyak dan gas yang diperoleh oleh Kerajaan dan Petronas hasil Akta Pembangunan Petroleum 1976 (Petroleum Development Act 1974 – PDA74).

54. PR-1521-L17993

**Tuan Tan Kok Wai [ Cheras ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan jumlah nilai import makanan pada tahun 2021 dan 2022 serta nilai eksport makanan negara kita dalam tempoh yang sama. Apakah rancangan jangka pendek dan jangka panjang untuk meningkatkan pengeluaran makanan tempatan dan kemajuan dalam mencari sumber alternatif makanan import bagi mengelakkan krisis bekalan makanan negara.

55. PR-1521-L18686

**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [ Bandar Tun Razak ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah pelan perancangan Kementerian terhadap anak istimewa autisme - berkaitan tumbesaran, kesihatan, kesejahteraan dan persekolahan. Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) sangat terhad dan menghadapi kesukaran dari segi kewangan untuk menghantar anak-anak ke sekolah khas swasta.

56. PR-1521-L18238

**Tuan Haji Yusuf bin Abd. Wahab [ Tanjung Manis ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan bilakah Kerajaan akan membaiki dan menaik taraf ban pertanian dan pintu air yang rosak dan tenggelam di Kampung Paloh - Kedang, Penipah, Tekajong dan Bruit di Parlimen Tanjung Manis. Masalah ban pertanian ini telah berpanjangan sejak sekian lama dan merosakkan banyak hasil tanaman penduduk di kawasan tersebut.

57. PR-1521-L18439

**Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [ Tampin ]** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan usaha terkini bagi melindungi nasib pekebun kecil getah tatkala mendepani impak kejatuhan harga komoditi tersebut dan kos sara hidup yang semakin meningkat demi memastikan golongan berkenaan terus menoreh.

58. PR-1521-L19472

**Datuk Matbali bin Musah [ Sipitang ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan peratusan siap Lebuh Raya Pan Borneo di kawasan Parlimen Sipitang :

- (a) jalan Pan Borneo Highway Sindumin ke Sipitang dan Jalan Pan Borneo Highway Sipitang ke Beaufort; dan
- (b) tindakan Kementerian terhadap kontraktor yang gagal menyiapkan kerja mengikut jadual tanpa alasan munasabah dan mohon pihak Kementerian memastikan pihak kontraktor melaksanakan kerja-kerja pembaikan jalan raya Persekutuan dengan sempurna di Parlimen Sipitang.

59. PR-1521-L19454

**Tuan Lim Lip Eng [ Kepong ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah ada keadilan bagi pihak pembiutang dalam skandal Serba Dinamik Holdings Berhad dan tiga anak syarikatnya yang telah digulung oleh mahkamah yang mana keempat-empat syarikat itu dikatakan mempunyai jumlah hutang hampir RM5 bilion. Apakah langkah Kerajaan untuk mengelakkan kejadian sama berulang .

## **ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri** akan mencadangkan :

“Bawanya mengikut Peraturan Mesyuarat 86(5), maka Penyata Jawatankuasa Pemilihan yang dibentangkan di atas meja Mesyuarat di dalam Dewan ini, sebagai Kertas DR. 2 Tahun 2023 hendaklah diterima dan dipersetujui.”

2. **Menyambung semula pertimbangan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan 2023 (D.R.2/2023) dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2023 seperti berikut :**

“Bawanya Dewan ini, menurut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bawanya suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari sembilan puluh sembilan bilion ringgit (RM99,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2023, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2023, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 19 Tahun 2023, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut, dan bawanya Usul yang telah diluluskan oleh Dewan ini pada 20 Disember 2022 mengenai perbelanjaan yang dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2023 adalah dibatalkan dan hendaklah disahkan.”

**Dalam Jawatankuasa Sebuah-buah Majlis ( 20 Mac 2023 )**

- |                                 |   |                                   |
|---------------------------------|---|-----------------------------------|
| 3. ( D.R 4/2023 )               | Rang Undang-Undang Kewangan 2023                                | <b>Bacaan Kali<br/>Yang Kedua</b> |
| <b>[ Menteri Kewangan ]</b>     |   |                                   |
| 4. ( D.R 3/2023 )               | Rang Undang-Undang Levi Keuntungan Luar Biasa (Pengesahan) 2023 | “                                 |
| <b>[ Menteri Kewangan ]</b>     |   |                                   |
| 5. ( D.R 1/2023 )               | Rang Undang-Undang Pencetakan Teks Al-Qur'an (Pindaan) 2023.    | “                                 |
| <b>[ Menteri Dalam Negeri ]</b> |   |                                   |
| 6. ( D.R 5/2023 )               | Rang Undang-Undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2023.              | “                                 |
| <b>[ Perdana Menteri ]</b>      |   |                                   |

- |                   |   |                               |
|-------------------|---|-------------------------------|
| 7. ( D.R 6/2023 ) | Rang Undang-Undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2023. | <b>Bacaan Kali Yang Kedua</b> |
|-------------------|---|-------------------------------|

**[ Perdana Menteri ]**

8. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan perenggan 8(3)(a)(iv) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], mengambil ketetapan bersetuju supaya Kerajaan Malaysia melalui Menteri Kewangan (Diperbadankan) membuat pelaburan dengan menukar baki pinjaman Kerajaan Malaysia sebanyak RM165,282,814.00 kepada UDA Holding Berhad (UDA), sebuah syarikat dimiliki sepenuhnya oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan) kepada ekuti (modal saham) bersamaan Seratus Enam Puluh Lima Juta Dua Ratus Lapan Puluh Dua Ribu Lapan Ratus Empat Belas (165,282,814) unit saham biasa pada nilai RM1 bagi satu unit saham."

9. PR-1521-U(27)231

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyegerakan pembinaan dan baik pulih tembok sempadan Malaysia - Thailand supaya merangkumi keseluruhan perbatasan dari Perlis hingga Kelantan dan menyediakan suatu pelan tindakan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand. Sempadan Malaysia - Thailand adalah sepanjang kira-kira 656 km namun hanya 111 km sahaja yang berpagar. Sebahagian tembok sempadan antara Malaysia dan Thailand di sepanjang Laluan Keselamatan dan Pembangunan (KESBAN) dilihat sudah usang manakala peralatan kamera litar tertutup (CCTV) dan alat pengimbas perlu ditambah, dibaik pulih dan dinaik taraf dengan teknologi terkini seperti penggunaan dron. Beberapa insiden pada masa lalu seperti kes tembakan ke atas pasukan keselamatan negara dan bermahajalelanya sindiket pemerdagangan manusia seperti yang berlaku di insiden Wang Kelian serta penyeludupan barang termasuk dadah dan senjata menunjukkan betapa kritikalnya keperluan untuk meningkatkan tahap keselamatan di perbatasan. Kerajaan Malaysia sebelum ini telah memberikan komitmen untuk membina tembok sempadan tersebut tetapi sehingga terkini masih tiada pelan pembangunan komprehensif dan terperinci yang diumumkan. Mohon pihak Kerajaan memandang serius perkara ini dengan menyegerakan pembangunan tembok sempadan Malaysia - Thailand secara menyeluruh dan memastikan suatu pelan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia - Thailand agar benar-benar berkesan menjamin keselamatan perbatasan negara."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

10. PR-1521-U(27)232

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan menubuhkan badan siasatan bebas bagi mengenal pasti secara terperinci punca utama yang menyebabkan kekurangan bekalan bahan makanan mentah seperti ayam dan telur ayam di pasaran serta merangka perancangan penyelesaian jangka pendek dan panjang yang komprehensif termasuk penguatkuasaan terhadap golongan kartel orang tengah serta menambahkan daya pengeluaran bekalan bahan mentah tempatan. Rakyat baik dari kalangan pengguna mahupun pengusaha restoran kecil masih mengeluh dengan permasalahan ini yang menyebabkan kenaikan harga bahan makanan mentah. Kerajaan tidak seharusnya melepaskan tanggungjawab menjaga keterjaminan bekalan bahan mentah makanan kepada individu (sebagai *end user*) mahupun menyarankan penyelesaian jalan mudah seperti menambah import makanan tetapi mencari penyelesaian sepanjang rangkaian jaringan bekalan bahan makanan mentah."

**[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

11. PR-1521-U(27)233

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji dan merancang satu inisiatif khas bagi memastikan setiap rakyat dan keluarga Malaysia terutamanya dari golongan B40 dan M40 mampu memiliki kediaman pertama dengan menyediakan rumah mampu milik berharga RM200,000 dan ke bawah baik di luar dan di dalam bandar. Dasar Perumahan Negara (2018 - 2025) sendiri memperakui bahawa isu kemampuan memiliki rumah semakin ketara di kalangan rakyat dan impak kenaikan harga rumah yang mendadak turut dirasai golongan M40 selain B40. Inisiatif khas untuk menyediakan kemudahan rumah pertama pada harga di bawah RM200,000 dan ke bawah ini hendaklah dijadikan salah satu sasaran kajian semula Dasar Perumahan Negara dan memerlukan input dari pelbagai agensi dan Kementerian serta pihak bukan Kerajaan dan bukan dari satu Kementerian sahaja. Isu kemampuan memiliki rumah pertama jika tidak ditangani akan mewujudkan generasi rakyat yang sentiasa menyewa tanpa mendapat peluang memiliki perumahan sendiri. Golongan generasi ini akan terus menjadi mangsa kepada harga hartanah yang melambung akibat spekulasi hartanah dan tanpa kawalan harga sehingga menjadikan harga di luar kemampuan sebenar golongan M40 dan B40. "

**[ Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan ]**

12. PR-1521-U(27)234

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya agihan peruntukan pembangunan dan pelaksanaan projek pembangunan kepada enam negeri kurang membangun, iaitu Kedah, Kelantan, Perlis, Sabah, Sarawak dan Terengganu seperti yang direncanakan di dalam Pelan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) dapat dilaksanakan secepat mungkin. Berdasarkan pelan RMK-12 tersebut, enam negeri kurang membangun akan terus diberi keutamaan dengan agihan sekurang-kurangnya 50% daripada keseluruhan peruntukan Perbelanjaan Pembangunan Asas Persekutuan. Ini akan mempercepatkan penyediaan infrastruktur dan kemudahan asas serta menjana lebih banyak peluang ekonomi di negeri kurang membangun dan mengurangkan jurang pembangunan."

**[ Menteri Ekonomi ]**

13. PR-1521-U(27)235

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji semula peruntukan khas yang boleh diberikan kepada pekebun kecil, penternak dan nelayan yang terjejas akibat bencana alam seperti banjir dan musim tengkujuh. Kerosakan tanaman dan kematian ternakan sering kali mendatangkan kerugian besar hingga kepada jutaan ringgit setiap kali berlaku bencana alam. Dengan situasi semasa ekonomi negara yang tidak stabil juga secara tidak langsung akan memberi tekanan kepada kos sara hidup pekebun kecil, penternak dan nelayan yang kebanyakannya bergantung harap kepada sumber pendapatan tersebut sahaja. Maka pemberian peruntukan khas ini dapat menambah baik kehidupan mereka."

**[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

14. PR-1521-U(27)236

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

Kerajaan supaya mengkaji dan merancang satu inisiatif khas bagi memastikan setiap rakyat dan keluarga Malaysia terutamanya dari golongan B40 dan M40 mampu memiliki kediaman pertama dengan menyediakan rumah mampu milik berharga RM200,000 dan ke bawah baik di luar dan di dalam bandar. Dasar Perumahan Negara (2018-2025) sendiri memperakui bahawa isu kemampuan memiliki rumah semakin ketara di kalangan rakyat dan impak kenaikan harga rumah yang mendadak turut dirasai golongan M40 selain B40. Inisiatif khas untuk menyediakan kemudahan rumah pertama pada harga di bawah RM200,000 dan ke bawah ini hendaklah

dijadikan salah satu sasaran kajian semula Dasar Perumahan Negara dan memerlukan input dari pelbagai agensi dan Kementerian serta pihak bukan Kerajaan dan bukan dari satu Kementerian sahaja. Isu kemampuan memiliki rumah pertama jika tidak ditangani akan mewujudkan generasi rakyat yang sentiasa menyewa tanpa mendapat peluang memiliki perumahan sendiri. Golongan generasi ini akan terus menjadi mangsa kepada harga hartanah yang melambung akibat spekulasi hartanah dan tanpa kawalan harga sehingga menjadikan harga di luar kemampuan sebenar golongan M40 dan B40. "

**[ Perdana Menteri ]**

15. PR-1521-U(27)237

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan melaksanakan satu perancangan persediaan dan pengurusan risiko bagi menghadapi bencana alam dapat disemak semula akibat impak perubahan iklim yang sangat drastik sejak kebelakangan ini. Hal demikian kerana perancangan rapi penting bagi memastikan tahap kesiapsiagaan anggota terlibat berada di tahap yang tinggi. Di samping itu, Kerajaan juga perlu merencana satu langkah holistik bagi mendidik masyarakat agar bersiap siaga untuk menghadapi bencana alam kerana kesedaran terhadap isu ini di dalam kalangan masyarakat masih berada di tahap yang rendah berdasarkan peristiwa bencana alam yang lepas."

**[ Perdana Menteri ]**

16. PR-1521-U(27)238

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan menyemak semula garis panduan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) mengenai isi kandungan media sosial yang sensitif serta tidak sesuai dengan agama Islam dan budaya tempatan seperti kandungan yang *pro-LGBT* dan *pro-liberalisme*. Misalnya, SKMM baru-baru ini telah bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk memantau penyebaran klip-klip video sensitif yang berbaur provokasi dengan niat mencetuskan ketidakharmonian, kebencian dan prejudis. Oleh hal demikian, Kerajaan digesa supaya melakukan tindakan yang sama bagi menangani penularan isi kandungan *pro-LGBT* dan *pro-liberalisme* di media sosial. Tindakan ini adalah penting untuk memastikan martabat Islam sebagai agama rasmi negara terpelihara dan budaya tempatan dihormati. "

**[ Menteri Komunikasi dan Digital ]**

17. PR-1521-U(27)239

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyediakan perancangan, peruntukan dan prasaraan kepada pelajar-pelajar universiti, kolej, STPM dan SPM bagi menghadapi kaedah pembelajaran alaf baru seperti pembelajaran dalam talian dan menggunakan media elektronik. Ini bagi membolehkan dan mendedahkan mereka ke alam teknologi siber dan e-pembelajaran yang semakin berkembang yang seterusnya memerlukan guru-guru yang terlatih dalam pendidikan alaf baru."

**[ Menteri Pendidikan ]**

18. PR-1521-U(27)240

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mewujudkan pusat benih padi khusus di kawasan utara khasnya di Arau, Perlis bagi membekalkan benih-benih padi yang bermutu tinggi dan mencukupi serta membolehkan penyelidikan yang agresif dibuat bagi menghasilkan benih padi baru. Pusat Benih Padi adalah penting untuk mengumpul benih padi yang lebih berdaya komersial, lebih berdaya tahan iklim (*climate resistant*) dan sesuai dengan cuaca di kawasan utara Semenanjung Malaysia. Pusat ini juga boleh berperanan menjalankan kajian di peringkat serantau dan melibatkan penyelidik daripada negara-negara jiran seperti Thailand, Indonesia, Filipina dan Myanmar yang mempunyai tanaman dan baka padi yang berdaya komersial tinggi."

**[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

19. PR-1521-U(27)241

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan menyediakan pelan tindakan yang komprehensif untuk menangani kadar pengangguran semasa yang dijangka meningkat terutamanya di kalangan graduan universiti, penduduk luar bandar dan golongan miskin bandar. Pelan tindakan ini amat diperlukan memandangkan keadaan ekonomi global juga bakal meruncing pada tahun 2023 dan kadar pelaburan asing di Malaysia akan terjejas. Dengan situasi ekonomi terkini, lambakan penganggur akan menyebabkan peningkatan jumlah golongan B40 dan B20 akibat peningkatan kos sara hidup."

**[ Perdana Menteri ]**

20. PR-1521-U(27)242

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya meneruskan usaha untuk memberi bantuan semula kepada pesawah menerusi Bajet 2023. Dalam ucapan Bajet 2023 yang lepas, Kerajaan mengumumkan bantuan sebanyak RM200 sebulan bagi tempoh tiga bulan kepada 240 ribu penerima yang layak. Anggaran keseluruhan perbelanjaan bantuan tersebut adalah lebih kurang RM228 juta. Justeru itu, Kerajaan digesa agar mempercepat saluran bantuan tersebut kepada pesawah yang memerlukan bagi menyokong pengorbanan mereka sebagai tonggak utama dalam menghasilkan makanan ruji utama rakyat Malaysia iaitu beras. Kebanyakan petani di utara Semenanjung Malaysia mempunyai kawasan sawah padi yang luas serta subur yang juga sesuai ditanam pelbagai jenis tanaman seperti kelapa sawit. Walau bagaimanapun, para pesawah ini masih meneruskan tanaman padi bagi menjamin kelangsungan makanan ruji utama negara. Oleh hal demikian, Kerajaan diharapkan dapat menghargai pengorbanan para pesawah ini."

**[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

21. PR-1521-U(27)243

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan melaksanakan segera projek-projek tebatan banjir di seluruh negara untuk memastikan projek ini dilaksanakan secara holistik dan dapat mencari jalan penyelesaian kepada isu banjir yang semakin meruncing akibat kesan perubahan iklim dan pembangunan yang tidak mesra alam. Antara projek yang perlu dilaksanakan segera adalah seperti Projek Pembangunan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Golok (KESBAN) dan Sungai Kelantan. Dengan pembinaan projek tersebut, risiko banjir besar dapat dikurangkan. Di samping itu, projek tebatan banjir di Selangor khususnya di Shah Alam dan bandar Kuala Lumpur juga diharapkan dapat dilaksanakan dengan komprehensif agar dapat menangani masalah banjir kilat."

**[ Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim ]**

22. PR-1521-U(27)244

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya melaksanakan tindakan kawalan yang lebih ketat berkenaan jualan arak. Garis panduan yang khusus perlu dikaji dan diwujudkan oleh Kerajaan bagi mengawal penjualan arak yang meliputi waktu dan tempat jualan arak yang seragam dan boleh diguna pakai di seluruh negara bagi tujuan mengelakkan masalah sosial yang sering timbul seperti masalah

rumah tangga dan kemalangan jalan raya. Oleh hal yang demikian, keseragaman tindakan daripada Kementerian Kewangan dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah amat diperlukan sekiranya ingin melaksanakan tindakan kawalan yang lebih ketat terhadap jualan arak kerana ketika ini ketidakseragaman tindakan antara dua entiti ini menjadi antara punca kawalan jualan arak tidak dapat dilaksanakan secara efektif dan efisien."

### [ Menteri Kewangan ]

23. PR-1521-U(27)245

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentuk satu pasukan petugas khas bagi memberi perhatian terhadap isu pencerobohan sempadan yang berlaku di Sabah dan Sarawak. Seperti di ketahui, Sabah dan Sarawak pula berkongsi sempadan darat sejauh 2,019.5km dengan Kalimantan, Indonesia. Daratan Negara Brunei Darussalam dibatasi sepenuhnya oleh Sarawak sepanjang 481.3km. Kebanyakan kawasan perbatasan Malaysia bersama negara-negara jirannya terletak di kawasan perbukitan yang diliputi hutan tebal dan kawasan perairan laut menyebabkan kawalan terhadap kawasan-kawasan ini sulit dilakukan.

Oleh sebab itu, masalah pencerobohan, penyeludupan, pemerdagangan manusia dan perdagangan narkotik adalah antara isu yang saban tahun masih berlaku dan sukar ditumpaskan. Dengan siapnya Lebuhraya Sematan – Telok Melano juga baru-baru ini secara tidak langsungnya meningkatkan risiko pencerobohan sempadan sama ada melalui darat dan laut terutamanya melalui Taman Negara Tanjung Datu. Oleh hal yang demikian, tindakan segera Kerajaan bagi mencari solusi terbaik kepada masalah kawalan sempadan ini adalah amat diharapkan."

### [ Menteri Dalam Negeri ]

24. PR-1521-U(27)225

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Pindaan terhadap Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (JAC) 2009, seiring dengan cadangan serta titah Majlis Raja – Raja Melayu, demi memastikan pelantikan lima daripada sembilan ahli JAC tidak lagi dilakukan oleh Perdana Menteri. Bergerak ke hadapan, adalah wajar untuk Kerajaan Perpaduan meminda Akta JAC 2009 dan Perkara 122B Perlembagaan Persekutuan bagi menghentikan campur tangan eksekutif yang hanya mengikut selera politik semata-mata dalam isu pelantikan hakim, sekali gus dapat mewujudkan kebebasan sistem kehakiman serta menjunjung keluhuran perlembagaan dan kedaulatan undang-undang di dalam Malaysia sepetimana yang terkandung dalam Rukun Negara.

Sebelum ini, negara telah dikejutkan dengan pendedahan oleh mantan Tan Sri Peguam Negara di dalam buku tulisannya yang berjudul, "My Story: Justice in Wilderness", yang nyata bertentangan dengan laungan Kedaulatan Undang-undang atau "Rule of Law", oleh Kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke-7. Berdasarkan penulisan beliau, terdapat pelbagai dakwaan mengenai isu pelantikan hakim, campur tangan didalam sistem kehakiman, pendakwaan politik, serta pelbagai pendedahan yang menerbitkan seribu satu persoalan. Pendedahan daripada mantan Tan Sri Peguam Negara tersebut amat membimbangkan, menimbulkan rasa syak wasangka dan persoalan terhadap sistem keadilan, dan juga kepincangan atas doktrin, dengan izin, "*separation of power*" atau pengasingan kuasa di dalam negara kita.

Justeru, saya menyambut baik kenyataan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) yang menyatakan bahawa, Jemaah Menteri telah bersetuju dengan cadangan untuk menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) untuk meneliti mengenai perkara tersebut. Namun, saya fikirkan Kerajaan tidak sepatutnya sekadar berhenti di situ sahaja. Sebaliknya perlu meminda JAC 2009 bagi merealisasikan hasrat murni Kerajaan terutamanya dalam urus tadbir yang baik atau '*good governance*'.

### [ Perdana Menteri ]

25. PR-1521-U(27)226

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Pindaan terhadap harga maksimum telur ayam yang berkuat kuasa pada 12 Oktober 2022 di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 dengan menaikkan harga kawalan telur tempatan dari RM0.41 ke RM0.50 sebiji, iaitu pada paras harga yang sama dengan harga telur import dari India. Di samping itu, Kementerian juga boleh mewujudkan "elaun telur secara *top-up*" kepada golongan B40 dengan menampung selisih harga telur sebanyak RM0.09 (RM0.41 -RM0.50) sebiji. Langkah ini boleh meringankan bebanan kewangan keluarga B40 dan turut membantu penternak tempatan mengatasi masalah kos operasi yang meningkat, sekali gus mengatasi masalah kekurangan bekalan telur ayam. Seandainya elaun telur sebanyak RM200 setahun diberikan kepada golongan B40, banyak telur yang boleh dimakan oleh keluarga B40.

Kementerian seharusnya mengutamakan penternak tempatan semasa menangani masalah kekurangan bekalan telur ayam. Ramai penternak atau pengusaha ladang ayam telur terpaksa menampung kos operasi yang tinggi mengeluarkan telur. Kos untuk menghasilkan sebiji telur ayam di ladang kini mencecah RM0.45 sebiji, di mana sebahagian besarnya membabitkan penghasilan makanan ayam. Menurut Laporan Kajian Khas Kos Pengeluaran Ayam Dan Telur oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada Disember 2022, purata kos pengeluaran di peringkat ladang bagi telur adalah RM0.48 sebiji pada September 2022. Penternak tempatan rugi kerana telur tempatan hanya boleh dijual dengan RM0.41 sebiji kerana ada kawalan harga, sedangkan kos menghasilkan sebiji telur telah pun melebihi paras harga tersebut. Kalau rugi, penternak tidak akan membela ayam untuk menghasilkan telur.

Malahan, telur import dari India dijual dengan RM0.50 sebiji, jika Kementerian memansuhkan kawalan harga, harga jualan telur tempatan juga lebih kurang sama iaitu kira-kira RM0.50 sebiji. Maka, cadangan untuk meminda harga kawalan telur tempatan ke RM0.50 sebiji bakal membantu rakyat dan penternak tempatan. Langkah tersebut boleh menjana ekonomi domestik dari sudut penyediaan peluang pekerjaan dan pembayaran cukai dari pihak penternak, kebersihan dan keselamatan telur ayam, kemudahan logistik, penyeliaan dan pembekalan berbanding dengan langkah mengimport telur dari India.

Justeru, Kementerian wajar mempertimbangkan cadangan pindaan kawalan harga telur supaya rakyat dan penternak tempatan tidak lagi terjejas dalam masalah kekurangan bekalan telur yang berpanjangan ini. Elaun telur kepada golongan B40 juga boleh memastikan rakyat terus berkemampuan menikmati makanan asas ini tanpa terjejas oleh kenaikan harga kawalan telur. Telur dan ayam adalah makanan asas rakyat tanpa mengira kaum atau agama, perkara ini harus dijadikan keutamaan."

### **[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

26. PR-1521-U(27)227  
**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan langkah-langkah Kerajaan dalam menghadapi Kemelesetan Ekonomi Global pada 2023 seperti yang diramalkan oleh pelbagai institusi kewangan dalam dan luar negara.

Menurut kajian yang dibuat oleh Bank Dunia; dalam menghadapi risiko, di mana bank-bank negara di seluruh dunia telah dan akan secara serentak menaikkan kadar faedah secara mendadak. Kesannya, seluruh dunia akan menghadapi krisis ekonomi dan bakal menuju kepada krisis kewangan yang semestinya akan memberikan impak negatif yang berpanjangan.

Pelbagai kajian dasar, pakej rangsangan dan langkah diplomatik perlu dibuat oleh Kerajaan untuk memastikan negara kita kalis krisis ini dan membolehkan rakyat hidup dalam kestabilan ekonomi yang optimum. Selain itu, krisis ekonomi secara global juga dijangka akan membawa kepada kemerosotan KDNK sebanyak 0.5 peratus pada 2023.

Pertumbuhan ekonomi mesti dipertingkatkan supaya negara kita boleh mencapai penkuhan nilai mata wang dan menarik lebih banyak pelaburan yang strategik di mana akan menyumbang kepada peluang pekerjaan, peningkatan produktiviti, pengukuhan pasaran modal dan mengurangkan kemiskinan rakyat. "

### **[ Menteri Ekonomi ]**

27. PR-1521-U(27)228

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan perancangan Kerajaan untuk mewujudkan sebuah jawatankuasa khas di peringkat jemaah menteri bagi membuat kajian dan perancangan dalam membasmi kemiskinan golongan nelayan. Mengikut rekod lalu yang dibuat, bincian daripada SENDI-LKIM (2008-2017) mendapati bahawa para nelayan hanya memperoleh pendapatan melebihi RM1,200 sahaja. Meskipun Kerajaan sudah menyediakan peruntukan kepada nelayan melalui Elaun Sara Hidup Bantuan Nelayan dan Skim Subsidi Petrol, namun dengan peningkatan kos sara hidup dan keterbatasan akses kepada kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan telah menyukarkan dan membebankan para nelayan yang berada di kawasan luar bandar. Tahun 2022, sejumlah RM7 juta diperuntukkan kepada LKIM sebagai modal pusingan pembelian ikan tempatan sebanyak 1,000 tan metrik yang akan ditempatkan di 130 bilik sejuk beku di seluruh negara untuk menghadapi musim tengkujuh. Permasalahan ini berlaku disebabkan penglibatan orang tengah yang menganiaya dan mengambil kesempatan atas usaha para nelayan dengan memberi alasan hasil yang berkurangan disebabkan oleh cuaca buruk dan secara tidak langsung memberikan kesan negatif kepada rantai sekuriti makanan negara. Penerangan yang jelas kepada sistem penyaluran bantuan Kerajaan juga harus ditambah baik terutamanya kepada golongan-golongan yang tidak mahir menggunakan kemudahan internet dan agensi berkaitan haruslah mencari nelayan yang masih belum berdaftar agar bantuan Kerajaan juga boleh dinikmati oleh mereka. Pokoknya, Kerajaan harus meneliti dan menggali dengan lebih mendalam tentang permasalahan yang dihadapi oleh para nelayan. Kita harus memperkasakan saluran bantuan Kerajaan agar tidak berlaku ketirisan dan aktiviti penyalahgunaan kuasa yang digunakan oleh pihak-pihak tertentu. "

### **[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

28. PR-1521-U(27)229

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan sebuah pelan tindakan khas untuk menghadapi dan mengatasi krisis utiliti terutamanya tenaga elektrik dan bekalan air bersih serta apakah jangkaan kesan kepada rakyat apabila inisiatif Kerajaan mengurangkan pemberian subsidi utiliti.

Krisis tenaga elektrik berpunca dari harga bahan api sangat tinggi yang menyebabkan peningkatan mendadak kos penjanaan elektrik dan pelarasan tarif elektrik melalui mekanisme ICPT. Berdasarkan kepada kos penjanaan yang sangat tinggi ini, semua pengguna elektrik di Semenanjung Malaysia sepatutnya dikenakan surc妖 sebanyak 27 sen/kWj bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2023 yang akan menyebabkan peningkatan kos sara hidup sekiranya dilepaskan kepada pengguna sepenuhnya. Sekiranya keseluruhan kos ICPT ditampung melalui subsidi, Kerajaan pula perlu menyediakan peruntukan yang sangat besar dan membebankan.

Krisis sumber air bersih diakibatkan oleh penebangan hutan secara berleluasa dan pembalakan yang tidak terkawal boleh memusnahkan "hutan awan" (*cloud forest*) yang akan mengakibatkan kehilangan sumber air yang berharga selain menyebabkan hakisan tanah dan menjelaskan kualiti sumber air. Pembuangan sampah dan sisa toksik industri juga menyumbang kepada pencemaran air sungai yang boleh menyebabkan masalah gangguan bekalan air tidak berjadual timbul dan menyukarkan rakyat dalam kehidupan seharian dan secara langsung menelan kos yang tinggi bagi meningkatkan tahap capaian bekalan air bersih, tambahan pula kerja-kerja penyelenggaraan dan penggantian peralatan secara berkala di loji rawatan air atau sistem agihan oleh operator bekalan air semestinya memerlukan perbelanjaan yang tinggi.

Oleh hal demikian jaminan tenaga dan air perlu dirangka dengan langkah yang selamat oleh Kerajaan dalam mencapai penggunaan utiliti yang mampan serta efisyen dengan penggunaan kos yang rendah serta pengenaan caj tidak membebankan rakyat. Pengalaman krisis tenaga yang dilalui oleh masyarakat di Eropah perlu diambil sebagai panduan dan perkara yang perlu dirujuk dalam membuat sebarang pertimbangan pada masa kini dan hadapan."

**[ Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim ]**

29. PR-1521-U(27)230

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan menubuhkan sebuah Institut Rukun Negara bagi mengkaji dan membentangkan perancangan model literasi perpaduan jangka masa panjang menyeluruh yang akan menyelesaikan masalah polarisasi kaum yang semakin menebal dalam kalangan anak muda di negara ini. Model pendidikan jangka masa panjang ini perlu merangkumi keseluruhan aspek pembelajaran termasuk komponen subjek akademik, komponen kerohanian dan komponen etnik tanpa membelakangi peruntukan yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan dan semangat Rukun Negara. Masalah polarisasi kaum akan dilihat semakin serius jika perancangan, penekanan dan pemantauan ini tidak dilakukan segera daripada peringkat awal pembelajaran dan ia tidak dapat mencapai tahap toleransi semua kaum dan semangat kenegaraan semakin lemah dalam kalangan anak muda. Kesannya terhadap potensi untuk membangunkan negara bangsa mengikut acuan kita sendiri akan terencat dan keharmonian serta kesejahteraan negara juga akan terancam."

**[ Menteri Perpaduan Negara ]**

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN RAKYAT)**

<b><u>TAHUN 2023</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
DR. 2	Penyata Jawatankuasa Pemilih Dewan Rakyat Kelima Belas Bil.2 Tahun 2023	21 Mac 2023
ST. 41	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) Bagi Tahun 2021	21 Mac 2023
ST. 65	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Pendidikan Sultan Idris Bagi Tahun 2021 (Telah Diaudit)	21 Mac 2023

**\*\*UCAPAN-UCAPAN**  
**( PERATURAN MESYUARAT 17 )**  
**( KAMAR KHAS )**

<b>Tarikh Ucapan</b>	<b>Ahli Yang Berucap</b>	<b>Tajuk Ucapan</b>	<b>Menteri Yang Bertanggungjawab</b>
1. 21.03.2023 (Selasa)	1. YB Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey Gapari Kitingan (Keningau)	1. Baik Pulih Rumah Usang	1. YB Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah
2. 21.03.2023 (Selasa)	2. YB Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey Gapari Kitingan (Keningau)	2. Penukaran Agama	2. YB Menteri Dalam Negeri
3. 21.03.2023 (Selasa)	3. YB Tuan William Leong Jee Keen (Selayang)	3. Status Balai Polis Bandar Country Homes, Rawang, Selangor	3. YB Menteri Dalam Negeri
4. 21.03.2023 (Selasa)	4. YB Tuan William Leong Jee Keen (Selayang)	4. Penambahan Lorong Mendaki Kenderaan Berat dari Jambatan Selayang Baru ke Taman Amansiara	4. YB Menteri Kerja Raya

**\*\* Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**